

Seimbang AP, Proton: Tun M

Dasar Automotif Nasional harus ambil kira kepentingan semua pihak

Oleh Johari Ibrahim
dan Jalal Ali Abdul Rahim

GURUN: "Kalau hendak ke-
luarkan permit import (AP)
kereta jangan sampai mati
Proton dan kalau hendak bagi Proton
maju pula jangan sampai mati syarikat lain."

Demikian rumusan bekas Perdana Menteri yang juga Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika mencadangkan supaya ada keseimbangan antara pengeluaran AP dan kereta nasional pada masa depan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai formula tertentu untuk dicadangkan, tetapi berharap kerajaan akan mewujudkan keseimbangan di antara pengeluaran AP dan kereta nasional.

Kerajaan dijangka mengumumkan Dasar Automotif Nasional tidak lama lagi.

Beliau ditemui selepas majlis meraikan hari lahirnya yang ke-80 anjuran syarikat pengeluar kereta, Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd (NAM), di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin; Pemangku Menteri Besar, Datuk Mahdzir Khalid, wakil rakyat serta pekerja kilang itu.

Terdahulu, ketika berucap, Dr Mahathir berkata, kerajaan membenarkan pengeluaran AP sebelum ini untuk memberi peluang lebih banyak syarikat tempatan terbabit dengan industri automotif.

Di IPOH, ketika berucap pada majlis Malam 'Budi Disanjung Jasa Dijunjung' anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Malaysia bagi mengenang jasanya, malam kelmarin, Dr Mahathir meminta bekas wakil rakyat supaya tidak menimbulkan masalah kepada pengganti, sebaliknya memberi sokongan kepada mereka.

"Walaupun tidak lagi menjadi wakil rakyat, dulu kita mendapat nikmat hingga menjadi Yang Berhormat (YB).

"Kita tidak boleh lupa sokongan pihak lain hingga kita mencapai tahap itu, maka kita perlu terus beri sokongan kepada pengganti," katanya.

“Tetapi, jika pengeluaran AP pun banyak, macam mana ejen Proton hendak jual (kereta) Proton. Sebab itu perlu ada keseimbangan antara pengeluaran AP dan pengeluaran Proton”

Dr Mahathir Mohamad
Pengerusi Proton



PANJANG UMUR: Dr Mahathir memotong kek sambil diperhatikan SM Nasimuddin (kanan), Mahdzir (dua dari kiri) dan Setiausaha Kerajaan Kedah, Syed Unan Mahsri Abdullah (kiri) pada majlis sambutan ulang tahun beliau ke-80 yang diraikan Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd di Gurun, semalam.